



Wan Junaidi (tengah) mendengar penerangan Pengarah Urusan Tex Cycle Technology (M) Berhad, S Perry (kanan) mengenai mentol yang dikitar semula sambil diperhatikan Presiden Persatuan Penyelidikan dan Pengurusan Alam Sekitar Malaysia (ENSEARCH), Gobinathan Kumaran Nair pada majlis Persidangan dan Pameran Kelestarian dan Pengurusan Alam Sekitar 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

‘Negeri patut lebih peka’

BH 26/7/2016 ms. 14

➔ Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar cari cara lebih berkesan banteras ceroboh hutan

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mencari kaedah penguatkuasaan lebih berkesan bagi membanteras kegiatan penceroohan hutan simpan kekal sehingga berlaku penyeludupan sumber semula jadi membabitkan spesies dilindungi dan bernilai tinggi.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata apa yang boleh dilakukan ketika ini adalah bergantung kepada kerjasama antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai sebagai ‘mata-mata’ kepada kerajaan untuk melapor dan memantau kegiatan haram itu.

Katanya, kerajaan negeri sepatutnya lebih peka dan memainkan peranan utama terhadap kegiatan yang jelas membinasakan alam sekitar tanpa kelulusan serta pemantauan rapi oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Semua sumber semula jadi dimiliki kerajaan negeri. Jadi apabila timbul isu curi pasir, penceroohan haram dan penyeludupan haram sumber hutan, ia tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri.

Teknologi drone

“Mereka (kerajaan negeri) yang sepatutnya mengambil tindakan terhadap kegiatan berkekenaan bukan kami (kementerian),” katanya selepas merasmikan Persidangan serta Pameran Kelestarian dan Pengurusan Alam Sekitar (SEM) 2016, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan BH baru-baru ini bahawa penguat kuasa yang tidak cukup untuk memantau beribu-ribu hektar hutan mengakibatkan warga asing lolos dan mencerooh Hutan Simpan Amanjaya (HSA) di Perak, untuk mencuri kayu gaharu bernilai tinggi.

Kegiatan penceroohan dan mencuri kayu gaharu itu dikesan apabila ‘kamera perangkap’ yang dipasang Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malay-

sia untuk merakam gambar binatang liar di hutan itu turut merakam gambar beberapa lelaki mencuri kayu gaharu.

Pencerooh yang dipercayai warga asing itu masuk jauh ke dalam hutan simpan lain bagi tujuan sama seperti Hutan Simpan Gerik, Hutan Simpan Bandedi, Hutan Simpan Temenggong dan Taman Negeri Royal Belum.

Terdahulu, kementerian berkenaan mengumumkan penggunaan teknologi drone bagi penugasan pengawasan dan risikan bagi membongkar kegiatan penceroohan haram tetapi isu sama dilihat kian menjadi-jadi.



Keratan akhbar muka depan BH, 23 Julai lalu.